

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG (TANJONG
PIAI)**

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN:

DATO' SRI WEE JECK SENG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) Apakah budget tahunan Institut Wasatiyyah Malaysia; dan
- b) Apakah hasil penyelidikan dan kajian terhadap aspek kesederhanaan dan ekstremis antaranya dalam bidang agama, undang-undang dan kehakiman, pendidikan, perbankan dan kewangan, social dan kemasyarakatan.

115

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan pada hari ini penuh komited dan iltizam bagi merealisasikan pendekatan Wasatiyyah sebagai dasar negara. Ia bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara, sekaligus berusaha membendung permasalahan diskriminasi antara kaum dan agama dalam semua aspek kehidupan. Pendekatan Wasatiyyah juga menjadi akar tunjang dan tonggak kepada pemikiran generasi dalam anjakan Transformasi Nasional 2050.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Perdana Menteri telah diperuntukkan sebanyak **RM4.56 juta** setahun bagi melaksanakan program-program teras IWM yang memberi penekanan kepada pembentukan nilai, pemikiran, dan tindakan berdasarkan kepada prinsip 4K iaitu **Kesederhanaan, Keseimbangan, Keadilan dan Kecemerlangan**. Antara program-program teras IWM adalah seperti berikut;-

- i. menganjurkan Seminar dan dialog pada kelompok strategik di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri;

- ii. mengadakan latihan & kursus kepada jabatan Kerajaan, badan NGO, mahasiswa, belia, pemimpin masyarakat dan badan siyasa;
- iii. menggerakkan kefahaman Wasatiyyah melalui media elektronik, cetak dan media sosial;
- iv. menerbitkan buku-buku, hasil penyelidikan, penerbitan berkala, hasil program dan jurnal ilmiah;
- v. melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan Isu-isu Wasatiyyah;
- vi. melaksanakan program wasatiyyah bersama masyarakat (*outreach*); dan
- vii. mengendalikan siri syarahan dan halaqah Bicara Wasatiyyah

Bagi memperkasakan Wasatiyyah sebagai dasar negara, beberapa penyelidikan berkaitan konsep Wasatiyyah dan pelaksanaannya di Malaysia telahpun dilakukan dengan kerjasama beberapa buah universiti awam. Antaranya ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan kajian bertajuk Konsep Wasatiyyah di Malaysia: Aspek Kefahaman dan Cabaran. Ia adalah hasil kajian terhadap 5,000 responden di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, merangkumi semua bangsa dan agama. Kajian mendapati masyarakat Malaysia secara umumnya menerima konsep dan pendekatan Wasatiyyah yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

117

Walau bagaimanapun, kajian secara khusus mengenai aspek kesederhanaan dan ekstremis dalam pelbagai bidang seperti agama, undang-undang dan kehakiman, pendidikan, perbankan dan kewangan, sosial dan kemasyarakatan belum dilakukan secara spesifik yang menjurus bidang-bidang berkenaan. Sehubungan itu, pada tahun 2018, IWM akan mewujudkan jaringan kerjasama dan kepakaran dengan 6 buah universiti awam (UiTM, UKM, UM, UPM, UiAM, UTM) untuk melaksanakan kajian tentang aspek kesederhanaan dan kewujudan ekstremis serta kaedah menanganinya dalam pelbagai bidang.

Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Negara (DWN) dalam bidang-bidang strategik, Pelan Perancangan Strategik Dasar Wasatiyyah 2016-2020 dan Pelan Strategik Dasar Wasatiyyah Negara bagi 27 buah kementerian dan 10 buah negeri sedang disiapkan.

Sekian, terima kasih.